

14/01/2000

Ahli akar umbi Umno wajar ikut nasihat pemimpin

Zulkofli Jamaludin

COGANKATA - Bersatu, Bersetia, Berkhidmat menjadi teras perjuangan Umno untuk mengangkat martabat bangsa, agama dan negara. Namun, tidak ramai ahli terutama golongan muda yang mengetahuinya, apatah lagi menghayati slogan keramat itu yang berjaya mengekalkan dominasi politik orang Melayu di negara ini.

Menyedari kurangnya kesedaran itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta semua ahli Umno kembali ke perjuangan asal untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

Malah, ahli juga diminta meletakkan kepentingan parti dan perjuangan untuk bersatu padu sebagai agenda utama serta menjauhi sikap taksu kepada individu atau pemimpin tertentu, yang terbukti melemahkan parti seperti dialami dalam pilihan raya umum lalu.

Nasihat Presiden Umno itu menuntut ahli menghayati fasal tiga perlembagaan yang menghuraikan asas dan tujuan penubuhan Umno serta apa yang harus dilakukan setiap ahli untuk mengekalkan maruah bangsa, agama dan negara.

Fasal 3.4 jelas menyatakan Umno mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen serta memajukan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera khususnya serta rakyat Malaysia.

Ini penting kerana orang Melayu dulu menyertai Umno kerana mahu berjuang membela nasib bangsa, tetapi sekarang segelintir ahli memasuki parti kerana ingin mendapatkan sesuatu.

Nasihat Dr Mahathir itu pada perjumpaan dengan kira-kira 100 pemimpin Umno dari seluruh negara yang dianjurkan oleh ibu pejabat parti adalah susulan daripada usaha parti menjelaskan kepada rakyat, khususnya orang Melayu agar menghayati sejarah perjuangan Umno yang berjaya meletakkan Malaysia pada kedudukan sekarang.

Penerangan mengenai perkara itu penting kerana ramai yang menyertai Umno setelah parti mencapai kejayaan memajukan negara. Golongan itu celik mata saja melihat negara yang sudah maju dan kedudukan orang Melayu sudah terjamin dan mereka percaya kedudukan orang Melayu akan kekal sebagai bangsa dominan di Malaysia selama-lamanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata dedikasi ahli Umno terhadap perjuangan parti iaitu untuk bangsa, agama dan tanah air kini menjadi soal kedua, berbanding perjuangan bagi diri sendiri dan orang kesayangan mendapat tempat.

Penerangan mengenai sejarah perjuangan Umno itu juga penting kerana ramai pemimpin dan ahli menyertai Umno setelah parti mencapai kejayaan melawan Malayan Union, mencapai kemerdekaan dan memajukan negara.

Nasihat itu juga dianggap tepat masanya kerana sebahagian ahli sudah mula berkempen secara agresif untuk calon masing-masing yang akan bertanding pada pemilihan Umno Mei depan. Kita tentunya tidak mahu melihat kempen secara keterlaluan dan sikap berpuk-puak berulang seperti pada pemilihan 1987, yang menyebabkan Umno berpecah kepada team A dan team B.

Perpecahan seperti itu tentu merugikan parti terutama ketika usaha mendapatkan sokongan orang Melayu yang semakin mengurang seperti terbukti dalam pilihan raya lalu. Sehubungan itu pemimpin dan ahli di peringkat akar umbi perlu mempunyai iltizam dan semangat kerja untuk mengukuhkan parti serta bersedia mendengar nasihat pemimpin bagi kebaikan parti. Usaha

itu penting kerana kekukuhan Umno dapat meningkatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi faktor penting dalam usaha merangka strategi serta agenda perjuangan bangsa pada alaf baru.

Dalam era teknologi maklumat sekarang, rakyat menolak pembangkang kerana sedar mereka tidak mampu memberikan pelbagai projek prasarana dan pembangunan kerana kebatasan sumber kewangan serta tidak mempunyai perancangan.

Sehubungan itu, pemimpin parti, khususnya anggota Kabinet perlu menggunakan kelemahan pembangkang itu untuk mendekati rakyat dan memahami aspirasi mereka, khususnya di desa dan kawasan pedalaman.

(END)